

**PENGARUH TRET PERSONALITI, SOKONGAN IBU BAPA DAN EFIKASI-KENDIRI DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN KERJAYA TERHADAP JANGKAAN HASIL KERJAYA PELAJAR UNIVERSITI**

*The Influence of Personality Traits, Parental Support, and Self-Efficacy in Career Decision-Making on Career Outcome Expectations of University Students*

Anis Fatima Savugathali, Muhammad Bazlan Mustafa\* & Ahmad Jazimin Jusoh

*Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia*

\*Corresponding author: [bazlan@fpm.upsi.edu.my](mailto:bazlan@fpm.upsi.edu.my)

**Published:** 10 December 2024

**To cite this article (APA):** Savugathali, A. F., Mustafa, M. B., & Jusoh, A. J. (2024). Pengaruh tret personaliti, sokongan ibu bapa dan efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya terhadap jangkaan hasil kerjaya pelajar universiti. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(Isu Khas 3), 116–125. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp3.11.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp3.11.2024>

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh tret personaliti, sokongan ibu bapa, efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya terhadap jangkaan hasil kerjaya pelajar universiti. Kajian ini melibatkan 765 orang responden yang terdiri daripada pelajar universiti tahun akhir. Terdapat empat instrumen kajian yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah iaitu *International Personality Item Pool (IPIP)*, Skala sokongan ibu bapa, Efikasi-kendiri membuat keputusan kerjaya-ringkasan dan *Career Decision Making Outcome Expectancies Scale*. Dapatan kajian mendapati efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya, tret personaliti Ekstraversi dan Keterbukaan adalah peramal yang signifikan dan menyumbang kepada jangkaan hasil kerjaya pelajar universiti. Implikasi daripada kajian ini menunjukkan bahawa tret personaliti, efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya dan jangkaan hasil kerjaya dapat membantu pelajar tahun akhir untuk merancang kerjaya dengan lebih baik.

**Kata kunci:** tret personaliti, sokongan ibu bapa, efikasi-kendiri membuat keputusan kerjaya, jangkaan hasil kerjaya, pelajar universiti

### **ABSTRACT**

*This study aims to identify the influence of personality traits, parental support, and career decision-making self-efficacy on university students' career outcome expectations. This study involves 765 respondents consisting of final-year university students. There are four research instruments used to measure the variables, namely the International Personality Item Pool (IPIP), the Parental Support Scale, the Career Decision-Making Self-Efficacy Scale, and the Career Decision Making Outcome Expectancies Scale. The study findings indicate that self-efficacy in career decision-making, the personality traits of Extraversion and Openness are significant predictors and contribute to the career outcome expectations of university students. The implications of this study indicate that personality traits, self-efficacy in career decision-making, and career outcome expectations can help final-year students plan their careers more effectively.*

**Keywords:** *personality trait, parents support, career decision making self-efficacy, career outcome expectation, university students*

## **PENGENALAN**

Ketidakseimbangan pasaran kerja dengan bidang pengajian pelajar menyumbang kepada isu pengangguran (Harat & Taher, 2023). Tambahan pula, pasaran kerja pada masa kini mengikut perkembangan teknologi, perindustrian dan kepelbagaian sehingga menjadikan proses pemilihan kerjaya lebih lebih sukar dan rumit (Mohamed, Alias & Siraj, 2019). Memetik Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2016, antara bidang-bidang kritikal yang menunjukkan kadar pengangguran tinggi termasuklah bidang Sains, Sastera dan Sains Sosial serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Kementerian Pengajian Tinggi, 2017).

Pengangguran yang tinggi sangat membimbangkan ramai pihak terutamanya pelajar-pelajar yang bakal tamat kajian. Pemilihan kerjaya yang tepat menjadi keutamaan serta idaman setiap pelajar yang bakal menamatkan pengajian dan memasuki dunia pekerjaan (Yahya & Mahmud, 2022). Malahan, kebanyakan pelajar percaya bahawa mereka akan menceburi pekerjaan berkaitan dengan bidang yang mereka pelajari semasa di universiti (Wiswall & Zafar, 2021). Mereka juga mengharapkan ijazah yang diperoleh memberi pengaruh positif kepada pembentukan kerjaya pada masa hadapan (Wong & Hoskins, 2022).

Dalam teori Kerjaya Kognitif Sosial, Brown, dan Lent (2023) telah mengekalkan kepercayaan efikasi-kendiri dengan jangkaan hasil sebagai penggerak utama dalam tingkah laku memilih kerjaya. Jangkaan hasil kerjaya menggambarkan keadaan masa depan yang diinginkan oleh pelajar untuk memilih kerjaya tertentu (Lent, Brown, & Hackett, 2000). Maka, pelajar-pelajar bidang kritikal perlu membuat keputusan kerjaya yang tepat dan selaras dengan apa yang mereka harapkan.

Berikutan itu, adalah penting kepada pelajar tahun akhir untuk menetapkan matlamat masa depan mereka (Philips, 2020). Matlamat membolehkan pelajar mempunyai satu garis panduan untuk diikuti. Pernyataan ini dikukuhkan lagi dengan kajian Medina, Chen, Doyle, Sonnert, dan Sadler, (2021) dimana matlamat, efikasi-kendiri dan juga jangkaan hasil kerjaya merupakan faktor dalam memilih kerjaya.

Menurut Wang et al., (2016) pelajar tahun akhir perlu cekap dalam efikasi-kendiri membuat keputusan kerjaya kerana ia merupakan faktor penting dalam proses memilih kerjaya dan pembinaan kerjaya. Pelajar yang mempunyai efikasi-kendiri tinggi menunjukkan mereka mempunyai kemahiran penyelesaian masalah yang tinggi dan stabil dari aspek emosi (Wahyuningsih, Wibowo, Purwanto, & Mulawarman, 2023) membolehkan mereka mengatasi cabaran sekaligus meningkatkan peluang kerjaya (Zhou, Wu, Yu, Chen, & Zheng, 2021).

Jangkaan hasil kerjaya dan efikasi-kendiri turut dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti faktor personal (personaliti) dan sokongan sosial (sokongan ibu bapa) (Lent et al., 1994). Tret personaliti mempengaruhi pilihan kerjaya kerana setiap individu mempunyai tret personaliti tertentu yang sesuai dengan bidang pengajian (Holland, 1997). Maka, pelajar perlu memahami kecenderungan tret personaliti mereka agar dapat membuat keputusan kerjaya yang tepat.

Walaupun setiap pelajar mempunyai tret tertentu seperti Ekstraversi Keterbukaan, *Conscientiousness* dan *Neuroticisme* yang sering dikaitkan dengan kerjaya, namun faktor ibu bapa juga turut memainkan peranan penting. Umumnya ikatan kekeluargaan antara pelajar dengan ibu bapa akan memberikan impak kepada pelajar sama ada dari aspek pendidikan atau kerjaya. Keluarga berfungsi untuk menyediakan bimbingan dan sokongan berkaitan pilihan kerjaya (Salamat & Akhter, 2022). Pelajar yang mendapat sokongan daripada ibu bapa lebih terdedah dalam proses membuat keputusan dan telah mempunyai jangkaan terhadap kerjaya mereka.

Faktor-faktor yang dinyatakan tadi telah menjadi perbincangan selama beberapa dekad dalam kalangan pengkaji-pengkaji lepas yang mana jangkaan hasil kerjaya dikaitkan dengan tret personaliti (Zhang, Wang, Fan, & Li, 2023) dan efikasi-kendiri (Lam & Pham, 2023) serta sokongan ibu bapa (Ma & Shea, 2021) dalam kalangan pelajar universiti.

## PERNYATAAN MASALAH

Graduan ijazah pertama Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi 20 buah Universiti Awam (UA) di Malaysia menunjukkan pengeluaran tertinggi berbanding graduan peringkat lain setiap tahun. Merujuk Laporan Kajian Pengesanan Graduan bagi Universiti Awam didapati bahawa kadar pengangguran bagi tahun 2016 adalah seramai 31,801 orang (25.6 peratus), tahun 2017 seramai 36,082 orang (26.7 peratus), tahun 2018 seramai 33,527 orang (25.3 peratus), tahun 2019 seramai 21,141 orang (16.3 peratus) dan pada tahun 2020 seramai 22,792 orang (17.9 peratus) (Kementerian Pengajian Tinggi, 2017; 2018; 2019; 2020; 2021).

Pengangguran dalam bidang ini masih menunjukkan peratusan yang tinggi pada tahun 2020 iaitu bidang Sastera dan Kemanusiaan 18.8 peratus, bidang Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan 16.2 peratus dan bidang Sains, Matematik dan Komputer 14.7 peratus (Kementerian Pengajian Tinggi, 2021). Ini mungkin berlaku disebabkan kesukaran untuk memulakan kerjaya (Swanson & Fouad, 2015) berikutan kurangnya perancangan kerjaya, terdapat konflik dalaman dan konflik luaran (Zhou, 2019) serta kurang mendapat maklumat berkaitan kerjaya (Salman & Kan, 2021). Apabila pelajar tidak membuat persediaan kerjaya dari awal mereka tidak dapat membuat penerokaan kerjaya dengan baik (Park, Gu, & Hai, 2020).

Selain kurang persediaan terdapat juga isu yang dikaitkan dengan bidang pengajian tidak selaras dengan personaliti (Kemboi, Kindiki, & Misigo, 2016). Ketidaksamaan sedemikian boleh membawa kepada hasil yang tidak menguntungkan seperti menghasilkan graduan yang tidak sesuai dengan bidang pilihan mereka, kelestarian pasaran kerja yang rendah (Prozorova et al., 2021).

Terdapat kajian yang mengaitkan delegasi kerjaya keluarga dengan tekanan pelajar disebabkan ibu bapa (Zairoslawanee, 2014). Harapan ibu bapa yang tidak realistik mempengaruhi pelajar seperti mengalami tekanan berterusan dan membuat pilihan kerjaya yang salah (Song, Mu, Zhang, & Fu, 2022). Keadaan ini sangat membimbangkan kerana ibu bapa tidak berupaya untuk menyalurkan maklumat kerjaya dengan betul seterusnya memberi kesan kepada perkembangan kerjaya pelajar (Zhang et al., 2019).

Maka, kajian ini cuba mengisi jurang yang ditinggalkan kajian lepas dengan mengenal pasti hubungan antara tret personaliti, sokongan ibu bapa, efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya dan jangkaan hasil kerjaya secara serentak.

## OBJEKTIF

Objektif kajian ini untuk mengukur pengaruh tret personaliti Ekstraversi, *Agreeableness*, *Conscientiousness*, Keterbukaan dan Neurotisme, sokongan ibu bapa dan efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya ke atas jangkaan hasil kerjaya.

## SOROTAN LITERATUR

Personaliti adalah tret yang ada bagi setiap individu, manakala pemilihan kerjaya adalah laluan yang dipilih bagi setiap pelajar setelah tamat pengajian (Semordzi, Odame-Mensah, Hammond, & Amoako, 2019). Yılmaz dan Söner (2022) dalam kajiannya menyatakan bahawa adalah penting untuk mengetahui tret personaliti pelajar sebagai satu usaha untuk membantu pelajar membuat keputusan kerjaya. Mengenal personaliti dan memberi sokongan kepada pelajar dapat membantu mereka mengurangkan kebimbangan yang mereka alami semasa membuat keputusan kerjaya dan meningkatkan efikasi-kendiri mereka dalam membuat keputusan kerjaya tersebut.

Menerusi kajian Brown dan Cinamon (2016), konsep efikasi-kendiri merupakan kepercayaan dan keupayaan pelajar dalam menentukan jangkaan hasil yang lebih baik seperti pemilihan pengkhukusan akademik yang sesuai. Mengikut Fathurrahim (2022) efikasi-kendiri membuat keputusan kerjaya merupakan penyumbang terbesar bagi jangkaan hasil kerjaya berikutan ianya memberi kesan kepada tingkah laku pelajar dalam pelbagai situasi.

Seperti yang dinyatakan oleh Doyle, Postlewaite, Sadler, dan Sonnert (2023), jangkauan hasil kerjaya berinteraksi dengan kepentingan kerjaya iaitu pelajar mungkin termotivasi minat dalam bidang atau kerjaya tertentu, dan nilai-nilai mereka dibentuk oleh komuniti yang sudah wujud dalam bidang tersebut. Misalnya pengaruh keluarga bermula dari awal dan berterusan sepanjang perkembangan pelajar (Whitehead, 2018).

Pelajar yang mendapat sokongan dari ibu bapa juga mempunyai sifat ingin tahu yang tinggi dan dapat membantu meneroka bidang kerjaya yang sesuai dengan diri mereka (Siti Aisyah, 2018). Apabila sokongan yang diberikan ibu bapa mencukupi, mereka akan lebih percaya diri untuk melakukan sesuatu keputusan (Alextian & Abdullah, 2021). Faktor sokongan ibu bapa masih merupakan perkara penting yang digariskan dalam teori Teori Kerjaya Kognitif (Lent et al., 1994) selain dari personaliti dan efikasi-kendiri membuat keputusan kerjaya.

## **HIPOTESIS**

Hipotesis kajian adalah seperti berikut:

**Ho1:** Semua koefisien regresi bagi pemboleh ubah tret personaliti Ekstraversi, *Agreeableness*, *Conscientiousness*, Keterbukaan dan Neurotisme, sokongan ibu bapa, efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya adalah sifar bila disandarkan dengan jangkauan hasil kerjaya

## **METODOLOGI**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini direka bentuk secara sistematik dengan memilih falsafah positifis, kemudiannya menggunakan pendekatan deduktif bermula daripada teori, hipotesis, pengumpulan data dan dapatan kajian. Metod kajian ini fokus kepada kajian kuantitatif menggunakan kaedah kajian tinjauan untuk mengumpul data melalui pengedaran soal selidik.

### **Sampel Kajian**

Kaedah persampelan yang digunakan adalah rawak berkelompok dan rawak mudah. Persampelan rawak berkelompok dipilih berdasarkan kepada fakulti di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Terdapat 12 buah fakulti yang ditawarkan kepada pelajar ijazah Sarjana Muda namun hanya tiga fakulti sahaja yang dipilih sebagai sampel kajian. Seterusnya, persampelan rawak mudah telah digunakan iaitu Fakulti Sains dan Kemanusiaan seramai 319 (41.7%), Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat seramai 146 (19.1%) orang responden dan Fakulti Sains dan Teknologi iaitu seramai 300 (39.2%).

### **Instrumen Kajian**

Terdapat empat instrumen yang digunakan berdasarkan pemboleh ubah yang dikaji iaitu *International Personality Item Pool (IPIP)* untuk menentukan tret personaliti, skala sokongan ibu untuk menentukan sokongan yang diperolehi daripada ibu bapa, efikasi-kendiri keputusan kerjaya-ringkasan dan *Career Decision Making Outcome Expectancies Scale (CDMOES)* untuk mengukur jangkauan hasil kerjaya.

*International Personality Item Pool (IPIP)* telah dibangunkan oleh Goldberg (1998). Soal selidik ini mengandungi 50 soalan tertutup yang terbahagi kepada lima konstruk tret personaliti. Tret tersebut diwakili oleh Ekstraversi, *Agreeableness*, *Conscientiousness*, Keterbukaan dan Neurotisme.

Skala sokongan ibu bapa mengandungi 13 soalan tertutup berkaitan dengan galakan lisan dan sokongan emosi. Galakan lisan berkaitan dengan perkembangan pelajaran dan kerjaya. Manakala

sokongan emosi iaitu sokongan ibu bapa yang memberi kesan ke atas pengalaman remaja dalam hubungannya berkaitan dengan perkembangan pelajaran dan kerjaya.

Efikasi-kendiri membuat keputusan kerjaya-ringkasan telah dibangunkan oleh Betz et al. (1996). Soal selidik ini mempunyai 25 item soalan yang diringkaskan daripada 50 soalan efikasi-kendiri membuat keputusan kerjaya yang asal.

Jangkaan hasil kerjaya diukur dengan menggunakan soal selidik *Career Decision Making Outcome Expectancies Scale* (CDMOES) yang telah dibangunkan oleh Betz dan Voyten (1997). Soal selidik ini merangkumi lapan item berkaitan jangkaan hasil kerjaya dan menilai kepercayaan pelajar dalam membuat keputusan kerjaya.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengukur pengaruh tret personaliti, sokongan ibu bapa, efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya terhadap jangkaan hasil kerjaya pelajar universiti. Keputusan kajian ini menunjukkan hanya tiga pemboleh ubah peramal iaitu efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya, tret personaliti Ekstraversi dan Keterbukaan adalah peramal yang mempunyai korelasi dan sumbangan terhadap skor jangkaan hasil kerjaya dalam kalangan pelajar tahun akhir. Berdasarkan Jadual 1, keputusan regresi berganda menunjukkan terdapat tiga pemboleh ubah peramal iaitu efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya, tret personaliti Ekstraversi dan Keterbukaan adalah peramal yang mempunyai korelasi dan sumbangan (5.9%) yang signifikan ( $p < 0.001$ ) terhadap skor jangkaan hasil kerjaya dalam kalangan pelajar tahun akhir. Keputusan ini menolak andaian bahawa tret personaliti *Conscientiousness*, *Agreeableness*, Neurotisme dan sokongan ibu bapa sebagai peramal jangkaan hasil kerjaya.

Peramal utama iaitu efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya memberi kesan dan menyumbang sebanyak 3.5 peratus terhadap jangkaan hasil kerjaya ( $\beta = 0.177$ ,  $t = 4.991$  dan  $p = 0.001$ ). Ini bermakna apabila efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya meningkat sebanyak satu unit, maka jangkaan hasil kerjaya juga bertambah sebanyak 0.177 unit. Ini bermakna, pelajar tahun akhir yang tinggi skor efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya mempunyai jangkaan hasil kerjaya yang tinggi.

Mengikut Lent (2005) jangkaan hasil untuk membuat pilihan akademik dibentuk daripada pelbagai pengalaman pembelajaran langsung dan vikarius. Pengalaman pembelajaran mempengaruhi efikasi-kendiri, jangkaan hasil yang kemudian akan memberi kesan kepada minat, matlamat, tindakan dan kejayaan dalam pembangunan kerjaya. Jangkaan hasil memberi tumpuan kepada hasil atau akibat yang diharapkan apabila seseorang melakukan tingkah laku tertentu (Fidyah, Rizma, Indah, & Reynold, 2019).

Efikasi-kendiri juga boleh dipengaruhi oleh jangkaan hasil kerana kebanyakan orang menjangkakan hasil yang positif apabila berdepan dengan cabaran yang mereka rasa mereka boleh hadapi (Ann-Yi, 2010). Pelajar mempunyai rasa tanggungjawab yang kuat dapat meningkatkan efikasi-kendiri atau jangkaan hasil, seterusnya membawa kepada matlamat yang lebih spesifik dalam pembangunan kerjaya mereka (Yu et al., 2021). Dalam hal ini, pelajar tahun akhir mempunyai keyakinan yang tinggi dalam membuat keputusan kerjaya kerana mereka percaya bahawa mereka boleh membuat keputusan yang tepat dengan adanya maklumat yang mencukupi.

Proses membuat keputusan melibatkan tindakan untuk menyenaraikan beberapa alternatif yang memberi manfaat kepada pelajar. Alternatif ini disenaraikan berdasarkan keyakinan dan kepercayaan berkaitan dengan kerjaya yang mereka inginkan. Seterusnya mengabungkan dengan minat dan membuat perancangan untuk mencapai matlamat tersebut. Bagi pelajar tahun akhir yang mempunyai efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya yang kukuh, berkemungkinan besar mereka dapat menghasilkan jangkaan positif berkaitan dengan kerjaya. Ini kerana efikasi-kendiri pelajar dan jangkaan hasil yang terbentuk daripada pola pemikiran dapat membentuk matlamat seterusnya menyumbang kepada proses membuat keputusan dan penerokaan kerjaya.

Seterusnya, peramal kedua iaitu tret personaliti Ekstraversi memberi kesan dan menyumbang sebanyak 1.6 peratus terhadap jangkaan hasil kerjaya ( $\beta = 0.129$ ,  $t = 3.662$  dan  $p = 0.001$ ). Ini menunjukkan apabila skor tret personaliti Ekstraversi bertambah sebanyak satu unit, maka jangkaan

hasil kerjaya akan bertambah sebanyak 0.129 unit. Oleh yang demikian, semakin tinggi skor tret personaliti Ekstraversi, semakin tinggi jangkaan hasil kerjaya pelajar tahun akhir.

Peramal kedua iaitu tret personaliti Ekstraversi memberi kesan dan menyumbang terhadap jangkaan hasil kerjaya. Pelajar tahun akhir yang tinggi skor Ekstraversi cenderung untuk memberikan komitmen yang tinggi dalam sesuatu pekerjaan dan sentiasa bermotivasi (Wille, Hofmans, Feys & De Fruyt, 2013). Individu yang ekstrovert suka bercakap, suka bergaul dengan orang lain dan boleh membina hubungan dengan orang lain.

Pelajar yang banyak cakap atau mesra dengan orang lain mudah mendapat perhatian. Mereka juga seorang yang ceria, bertenaga dan optimistik (Costa & McCrae, 1994). Kecenderungan pelajar tahun akhir yang berfikiran positif membuatkan mereka sentiasa jauh ke hadapan kerana mereka percaya bahawa setiap tindakan yang diambil akan mendapat hasil yang setimpal kelak.

Pelajar tahun akhir dengan tret Ekstraversi yang tinggi dapat dikaitkan kecekapan dan aktif dalam membuat keputusan kerjaya. Ciri personaliti pelajar ini yang suka bergaul dengan orang ramai dan sentiasa bermotivasi menunjukkan mereka tidak mudah patah semangat. Di tahun akhir penuh dengan cabaran, pelajar yang percaya dengan keupayaan diri mereka akan menaruh harapan yang tinggi dalam kerjaya yang mereka telah tetapkan.

Manakala, peramal ketiga iaitu tret personaliti Keterbukaan yang memberi kesan dan menyumbang sebanyak 0.5 peratus terhadap jangkaan hasil kerjaya ( $\beta = 0.076$ ,  $t = 2.136$  dan  $p = 0.001$ ). Ini menunjukkan apabila skor Keterbukaan berkurang sebanyak satu unit, jangkaan hasil kerjaya akan bertambah sebanyak 0.076 unit. Ini bermakna pelajar tahun akhir yang tinggi skor tret personaliti Keterbukaan mempunyai jangkaan hasil kerjaya yang tinggi.

Peramal ketiga iaitu tret personaliti Keterbukaan memberi kesan dan menyumbang terhadap jangkaan hasil kerjaya. Keterbukaan merujuk kepada beberapa elemen iaitu suka berimajinasi, sensitif terhadap keindahan, memberi perhatian kepada perasaan, suka kepelbagaian, intelektual dan tidak bergantung kepada penilaian orang lain (Costa & McCrea, 1992).

Pelajar yang tinggi dalam skor keterbukaan menunjukkan mereka seorang yang tidak peduli dengan pandangan orang lain. Sebaliknya mereka jadikan cabaran untuk sentiasa berusaha bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Jangkaan hasil memainkan peranannya apabila pelajar tidak mudah berputus asa dalam sesuatu yang dikerjakannya.

Pelajar tahun akhir dengan tret Keterbukaan yang tinggi dapat dikaitkan kebolehan mereka untuk membuat keputusan kerjaya yang baik. Tambahan pula ciri personaliti pelajar ini lebih sosial, dapat dikaitkan dengan tahun akhir dimana mereka lebih bersifat terbuka, suka melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan dan kreatif dalam berkongsi idea-idea dengan orang lain. Ini menunjukkan pelajar mempunyai efikasi-kendiri yang tinggi dan jangkaan hasil yang tinggi dalam kerjaya.

**Jadual 1** Analisis Regresi Berganda (*Stepwise*) Bagi Pemboleh Ubah Tidak Bersandar yang Mempengaruhi Jangkaan Hasil Kerjaya

Pemboleh Ubah	Beta				
	B	( $\beta$ )	t	R <sup>2</sup>	F
Efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya	0.256	0.177	4.991	0.036	28.355***
Ekstraversi	0.113	0.129	3.662	0.054	21.573***
Keterbukaan	0.094	0.076	2.136	0.059	15.971***

\*\*\* $p < 0.001$

Analisis varians yang didapati ialah [ $F(3, 761) = 15.971$ ,  $P < 0.001$ ] iaitu signifikan pada aras keyakinan 0.001. Nilai R Kuasa Dua ( $R^2 = 0.059$ ) menunjukkan sumbangan keseluruhan lima pemboleh ubah tidak bersandar adalah sebanyak 5.9 peratus terhadap jangkaan hasil kerjaya iaitu efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya sebanyak 3.5 peratus, tret personaliti Ekstraversi sebanyak 1.6 peratus dan Keterbukaan sebanyak 0.5 peratus. Justeru, sumbangan keseluruhan tiga pemboleh ubah yang signifikan terhadap jangkaan hasil kerjaya dalam kalangan pelajar tahun akhir dapat dibentuk menerusi persamaan regresi.

R Berganda	0.243
R Kuasa Dua	0.059
R Kuasa Dua Diubahsuai	0.056
Ralat Piawai	0.66892

**Jadual 2** Analisis Varians Jangkaan Hasil Kerjaya Berdasarkan Efikasi-Kendiri dalam membuat Keputusan kerjaya

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	F
Regresi	21.438	3	7.146	15.971**
Residul	340.512	761	0.447	
Jumlah	361.950	764		

\*\*p<0.001

Persamaan regresi yang boleh digunakan untuk membuat anggaran mengenai jangkaan hasil kerjaya ( $y$ ) berdasarkan efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya ( $x_1$ ), Ekstraversi ( $x_2$ ), dan Keterbukaan ( $x_3$ ) adalah seperti berikut:

$$y_1 = a + b_1x_1 + b_2x_2 + b_3x_3 + b_4x_4 + b_5x_5$$

$$y_2 = 1.900 + 0.256x_1 + 0.113x_2 + 0.094x_3$$

$$y_3 = \text{Jangkaan hasil kerjaya}$$

$$x_1 = \text{Efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya}$$

$$x_2 = \text{personaliti Ekstraversi}$$

$$x_3 = \text{Personaliti Keterbukaan}$$

$$b_1 = \text{koefisien regrasi bagi } x_1$$

$$b_2 = \text{koefisien regrasi bagi } x_2$$

$$b_3 = \text{koefisien regrasi bagi } x_3$$

$$a = \text{Konstant}$$

Merujuk kepada persamaan regresi yang dibentuk, bermakna hipotesis  $H_0$ , tidak ditolak. Dapatan analisis regresi berganda menggunakan kaedah 'stepwise' mendapati efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya, tret personaliti Ekstraversi dan Keterbukaan adalah peramal signifikan yang mempunyai korelasi dan memberi kesan serta menyumbang ke atas jangkaan hasil kerjaya pelajar tahun akhir.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memberi bimbingan berkaitan dengan tret personaliti, sokongan ibu bapa, efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya dan jangkaan hasil kerjaya pelajar universiti. Didapati bahawa peramal yang menyumbang kepada jangkaan hasil kerjaya adalah tret personaliti Ekstraversi dan Keterbukaan dan efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya.

Pelajar tahun akhir yang mempunyai tret personaliti ini terdiri daripada mereka yang sosial iaitu mudah bercampur dengan orang lain, sentiasa fokus dan berkeyakinan. Mereka juga mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk mencapai matlamat yang mereka telah tetapkan khususnya dalam memilih kerjaya dan membuat perancangan sesuai dengan apa yang mereka jangkakan.

## **RUJUKAN**

- Alextian, F.S., & Abdullah, S.M. (2021). Emerging issues in education and family the effect of parental social support on career decision making self-efficacy. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 530, 203-208. 10.2991/assehr.k.210423.029.
- Ann-Yi, S. (2010). *Predictors of career decision-making self-efficacy in Asian American college students (Order No. 3411310)*. Available from ProQuest Dissertations & Theses Global. (518988334). Retrieved from <https://www.proquest.com/dissertations-theses/predictors-career-decision-making-self-efficacy/docview/518988334/se-2>.
- Brown, D., & Cinamon, R.G. (2016). Personality traits' effects on self-efficacy and outcome expectations for high school major choice. *International Journal for Educational and Vocational Guidance*, 16(3), 343-361.
- Brown, S.D., & Lent, R.W. (2023). *Social cognitive career theory*. In W. B. Walsh, L. Y. Flores, P. J. Hartung, & F. T. L. Leong (Eds.), *Career psychology: Models, concepts, and counseling for meaningful employment* (pp. 37–57). American Psychological Association. <https://doi.org/10.1037/0000339-003>.
- Costa P.T., & McCrae, R.R. (1992). Four ways five factors are basic. *Personality and Individual Differences*, 13(6), 653-666.
- Costa, P.T., Jr., & McCrae, R. R. (1994). Stability and change in personality from adolescence through adulthood. In C. F. Halverson, Jr., G. A. Kohnstamm, & R. P. Martin (Eds.), *The developing structure of temperament and personality from infancy to adulthood* (pp. 139-150). Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Doyle, J., Postlewaite, E., Sadler, P. M., & Sonnert, G. (2023). Differences in career outcome expectations of college students by race/ethnicity and gender. *Journal of Underrepresented and Minority Progress*, 7, (1), 1-26.
- Fathurrahim. (2022). *Pengaruh personaliti proaktif dan efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya ke atas jangkaan hasil kerjaya pelajar universiti*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Fidyah Pratiwi., Rizma Adlia Syakurah., Indah Yuliana., & Reynold Siburian. (2019). Relationships of Self-Efficacy, Outcome Expectation, Career Intention and Career Exploration in Nutrition Science Student's Career Choice. *Advances in Health Sciences Research*, 25,302-309.
- Harat, F.A., & Taher, M.H. (2023). Unemployment anxiety among university students. *Journal of Higher Education Theory and Practice*, 23(2) 232-248.
- Holland, J.L. (1997). *Making vocational choices: A theory of vocational personalities and work environments*. 3rd Edition, Psychological Assessment Resources, Odessa.
- Kemboi, R.J.K., Kindiki, N., & Misigo, B. (2016). Relationship between personality types and career choices of undergraduate students: A case of Moi University, Kenya. *Journal of education & practice*, 7(3), 102-112.
- Kementerian Pengajian Tinggi (2017). Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2016: Graduan (Warganegara) Belum Bekerja.
- Kementerian Pengajian Tinggi (2018). Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2017: Graduan (Warganegara) Belum Bekerja.
- Kementerian Pengajian Tinggi (2019). Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2018: Graduan (Warganegara) Belum Bekerja.
- Kementerian Pengajian Tinggi (2020). Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2019: Graduan (Warganegara) Belum Bekerja.
- Kementerian Pengajian Tinggi (2021). Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2020: Graduan (Warganegara) Belum Bekerja.
- Lam, Q.B., & Pham, M. (2023). Assess the role of career exploration in expanding social cognitive career theory. *Advances in Business-Related Scientific Research Journal*, 14 (1), 15-26.
- Lent, R., Brown, S.D., & Hackett, G. (1994). Toward a unifying social cognitive theory of career and academic interest, choice and performance. *Journal of Vocational Behavior*, 45, 79-122.
- Lent, R.W. (2005). *A Social Cognitive View of Career Development and Counseling*. In S. D. Brown & R. W. Lent (Eds.), *Career development and counseling: Putting theory and research to work* (pp. 101-127). John Wiley & Sons, Inc.
- Lent, R.W., Brown, S.D., & Hackett, G. (2000). Contextual supports and barriers to career choice: A social cognitive analysis. *Journal of Counseling Psychology*, 47, 36-49.
- Ma, P.W.W., & Shea, M. (2021). First-generation college students' perceived barriers and career outcome expectations: Exploring contextual and cognitive factors. *Journal of Career Development*, 48(2), 91-104.



- Medina, A., Chen, C., Doyle, J., Sonnert, G., & Sadler, P. (2021). The association of career outcome expectations and STEM career choice among Hispanic First-Generation Students: A unique pattern. *Journal of First-generation Student Success*, 1(3), 203-223.
- Mohamed, A., Alias, N., & Siraj, S. (2019). Analisis keperluan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 7(4), 19-29.
- Park, I-J., Gu, M., & Hai, S. (2020). How Can Personality Enhance Sustainable Career Management? The Mediation Effects of Future Time Perspective in Career Decisions. *Sustainability*, 12(3),1167.
- Phillips, R. (2020). *Choosing to attend a Career Technical Center (CTC) in Ohio is a choice - "why did students choose to attend a CTC, and how did their career outcome expectation influence their decision to attend?"* [Doctoral dissertation, Miami University]. OhioLINK Electronic Theses and Dissertations Center. [http://rave.ohiolink.edu/etdc/view?acc\\_num=miami1593041353706625](http://rave.ohiolink.edu/etdc/view?acc_num=miami1593041353706625).
- Prozorova, M.N., Zharkov, A.D., Zharkova, A.A., Khamdamova, V.A., Sattorova, S.O., & Losev, V.S. (2021). University graduate career potential in digital transformation period: Features and problems of formation. *Linguistics and Culture Review*, 5(S3), 1574-1585.
- Salamat, L., & Akhter, N. (2022). Career choices of youth: parents' guidance, support, and career aspirations. *Journal of Statistics, Computing and Interdisciplinary Research*, 4(1), 47-60.
- Salman, N., & Kan, A. (2021). Predicting career decision-making difficulties: The role of barriers, self-efficacy, and decision status. *Turkish Psychological Counseling and Guidance Journal*, 11(60), 49-66.
- Semordzi, D.K., Odame-Mensah, S., Hammond, N.K., & Amoako, I. (2019). Moderating role of gender in the relationship between Personality Trait and career choice among university students. *American Journal of Humanities and Social Sciences Research*, 3 (6), 198-202.
- Siti Aisyah Mat Yusoff (2018). *Pengaruh sokongan ibu bapa, personaliti dan motivasi ke atas efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Song, Y., Mu, F., Zhang, J., & Fu, M. (2022). The relationships between career-related emotional support from parents and teachers and career adaptability. *Frontiers in Psychology*, 13, 823333. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.823333>.
- Swanson, J.L., & Fouad, N.A. (2015). *Career theory and practice: Learning through case studies (3rd ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Wahyuningsih, D.D., Wibowo, M.E., Purwanto, E., & Mulawarman, M. (2023). Career decision-making self-efficacy and its implications in high school students during the Covid-19 Pandemic. *Health Education and Health Promotion*, 11(1), 153-158.
- Wang, J., Guo, R., Liu, M., Zhang, X., Ren, L., Sun, M., & Tang, S. (2016). Career decision making self-efficacy and professional commitment among master Nursing students. *Western Journal of Nursing Research*, 1-19.
- Whitehead, A. (2018). Examining influence of family, friends, and educators on first-year college student selection STEM major selection. *Journal of Mason Graduate Research*, 5(2),58-54.
- Wille, B., Hofmans, J., Feys, M., & De Fruyt, F. (2013). Maturation of work attitudes: Correlated change with big five personality traits and reciprocal effects over 15 years. *Journal of Organizational Behavior*, 35(4), 507-529.
- Wiswall, M., & Zafar, B. (2021). Human capital investments and expectations about career and family. *Journal of Political Economy*, 129(5), 1361-1424.
- Wong, B., & Hoskins, K. (2022). Ready, set, work? Career preparations of final-year non-traditional university students. *Higher Education Pedagogies*, 7,(1), 88-106.
- Yahya, N., & Mahmud, M. (2022). Hubungan Antara Minat Kerjaya Dan Efikasi Kendiri Kerjaya Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar Universiti Awam. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(4), 98-109. Retrieved from <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/20906>
- Yılmaz, O., & Söner, O. (2022). How do personality traits influence adolescents' career anxiety and self-efficacy in making career decisions? *Journal of Teacher Education and Lifelong Learning*, 4(2), 110-123.
- Yu, L., Fan, W., Wang, Z., Wang, X., & Yu, C. (2021). The antecedent role of proactive personality in career self-management. *Journal of College Student Development*, 62(3), 351-355.
- Zairoslawanee Zaib. (2014). *Pemilihan kerjaya pelajar tingkatan 6 atas di sekolah menengah kluster di Kelantan*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Zhang, L., Wang, X., Fan, W., & Li, Y. (2023). Contributions of proactive personality to career decision self-efficacy: Mediating effect of positive affect and moderating roles of social class and gender. *Current Psychology*, 1-12.
- Zhang, Y.C., Zhou, N., Cao, H., Deng, L., Li, P., Fang, X. et al (2019). Career-specific parenting practices and career decision-making self-efficacy among Chinese adolescents: The interactive effects of parenting practices and the mediating role of autonomy. *Frontiers in Psychology*, 21(10), 363.

*The Influence of Personality Traits, Parental Support, and Self-Efficacy in Career Decision-Making on Career Outcome Expectations of University Students*

- Zhou, S., Wu, S., Yu, X., Chen, W., & Zheng, W. (2021). Employment stress as a moderator of the relationship between proactive personality and career decision-making self-efficacy. *Social Behavior and Personality: An International Journal*, 49(10), 1-13. <https://doi.org/10.2224/sbp.10735>.
- Zhou, Y. (2019). The relationship between college students' initiative personality, job hunting clarity and career decision making difficulties. *Proceedings of the 2019 International Conference on Management, Education Technology and Economics (ICMETE 2019)*, 82, 183-186.